

## PERSEPSI IBU BAPA TERHADAP CIRI-CIRI PERSAHABATAN KANAK-KANAK AUTISME

*(Parents' Perception Towards Friendship Characteristics Of Children With Autism)*

Norfatin Satar<sup>a</sup>, Manisah Mohd Ali<sup>b</sup>

<sup>ab</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia

E-mail : nfs\_88@yahoo.com.my

**Abstrak:** Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji sejauh mana persepsi ibu bapa terhadap ciri-ciri persahabatan kanak-kanak autism. Kajian berfokuskan ciri-ciri persahabatan kanak-kanak autism dengan rakan sebaya dari persepsi ibu bapa. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan untuk mengumpul data. Sampel yang digunakan terdiri daripada 26 orang ibu bapa kepada kanak-kanak autism yang berumur dari 7 tahun sehingga 10 tahun yang bersekolah di beberapa buah sekolah rendah yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dalam Daerah Hulu Langat. Pengkaji menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat daripada ibu bapa tentang persepsi mereka terhadap ciri-ciri persahabatan kanak-kanak autism. Borang Soal selidik yang digunakan merangkumi bahagian A tentang demografi sampel kajian dan bahagian B tentang ciri-ciri persahabatan iaitu bilangan kawan, kekerapan hubungan, corak aktiviti dan ciri-ciri rakan kanak-kanak autism. Hasil kajian menunjukkan bahawa kanak – kanak autisme mempunyai sekurang-kurangnya seorang kawan. Mereka didapati lebih suka bermain permainan video, menonton televisyen bersama – sama rakan dan bermain bersama rakan di taman permainan. Mereka juga lebih cenderung kepada rakan yang sama jantina dan rakan yang mempunyai umur yang sama. Hasil kajian dapat dijadikan panduan ibu bapa dan semua pihak dalam membantu membina hubungan persahabatan kanak-kanak autism.

**Kata Kunci:** Persepsi Ibu Bapa, Ciri-Ciri Persahabatan, Kanak-Kanak Autisme

**Abstract:** *The purpose of this study is to examine the extent of parent's perception towards friendship characteristics of children with autism. The study focuses on the friendship characteristics of autistic children with peers from the perception of parents. This study used a survey method to collect data. The sample consisted of 26 parents of autistic children aged 7 to 10 years old that are schooling in some primary schools that have a Special Education Integration Programme (PPKI) in the Hulu Langat district. The researchers used questionnaires to get the information about parent's perceptions regarding the characteristics of friendship among autistic children. The questionnaire used consist of part A on demographic of the sample and part B on the characteristics of friendship such as the number of friends, contact frequency, patterns of activity and characteristics of autism friends. The results show that children with autism have at least one friend. They are more interested in playing video games, watching television with their friends and play with their friends at the playground. They are also more likely to be friends with those who are of the same gender and age. The results can be used as a guide to parents and all parties to help establish friendships for autistic children.*

**Keywords:** *Perceptions of Parents, Characteristics of Friendship, Children With Autism*

### PENDAHULUAN

Ciri-ciri persahabatan kanak-kanak autism sangat berbeza dengan kanak-kanak biasa. Dalam persahabatan, kanak-kanak biasa dapat mengekalkan persahabatan tersebut dengan tempoh yang lama. Mereka dapat berinteraksi secara dua hala dengan rakan sebaya dan saling mengenali antara satu sama lain. Namun kanak-kanak autism ada yang boleh bergaul dengan rakan sebaya tetapi mereka tidak mengenali rakan mereka walaupun berada dalam kumpulan yang sama. Mereka tidak mengetahui nama rakan sebaya mereka (Norfishah, 2015). Kanak -kanak autism dikatakan hanya berkawan dengan rakan yang sama jantina dan sama umur sahaja. Mereka lebih suka menonton televisyen dan bermain permainan video di rumah sendiri bersama rakan. Ini menunjukkan terdapat perbezaan dalam corak persahabatan antara kanak-kanak autism berbanding kanak-kanak biasa. Ciri-ciri

persahabatan kanak-kanak autism dengan rakan sebaya hendaklah diteliti agar kita memahami ciri-ciri persahabatan mereka. Menurut Petrina et al. (2013) di dalam jurnalnya yang bertajuk “*The nature of friendship in children with autism spectrum disorders: A systematic review*”, terdapat pelbagai ciri-ciri persahabatan yang boleh diukur antaranya ialah bilangan kawan, kekerapan hubungan, corak aktiviti, tempoh persahabatan, dan ciri-ciri kawan seperti jantina, umur, kategori masalah yang dihadapi.

### METODOLOGI

Reka bentuk kajian adalah berbentuk tinjauan. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah tinjauan di mana pengkaji menggunakan borang soal selidik untuk mengumpul data. Sampel terdiri daripada ibu bapa kepada kanak-kanak autism yang berumur dari

7 tahun sehingga 10 tahun dan dipilih secara rawak. Borang selidik merangkumi 2 bahagian. Bahagian A adalah tentang demografi sampel kajian manakala bahagian B mengenai ciri-ciri persahabatan iaitu bilangan kawan, kekerapan hubungan, corak aktiviti dan ciri-ciri rakan kanak-kanak autisme iaitu jantina, umur dan kumpulan kanak-kanak. Data dianalisis dengan menggunakan analisis peratusan dan kekerapan yang melibatkan min berdasarkan Skala Likert 5 mata: 1= Sangat Tidak Setuju, 2= Tidak Setuju, 3= Tidak Pasti, 4= Setuju Dan 5=Sangat Setuju

## DAPATAN

Berdasarkan jadual 5 skala likert, terdapat 3 tahap persepsi ibu bapa terhadap ciri-ciri persahabatan kanak-kanak autisme yang telah ditentukan iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Nilai skor min yang berada antara 1.00 hingga 1.66 dikategorikan sebagai rendah, 1.67 hingga 3.33 disifatkan sebagai sederhana dan nilai min antara 3.34 hingga 5.00 adalah tinggi. Dapatan kajian tentang data demografi sampel kajian dan ciri-ciri persahabatan kanak-kanak autisme dari persepsi ibu bapa adalah seperti jadual di bawah ini.

Jadual 1 : Data Demografi Sampel Kajian

Jadual 1 menunjukkan sampel kajian adalah dalam kalangan ibu bapa yang bekerja dan paling ramai adalah bekerja dalam sektor awam (N = 13). Jantina anak autisme kepada sampel kajian lebih ramai lelaki (N = 23) berbanding perempuan (N = 3). Manakala umur anak autisme paling tinggi adalah berumur 9 tahun (N = 13), diikuti 10 tahun (N = 6), 8 tahun (N = 3) dan 7 tahun (N = 4). Jenis perumahan sampel yang paling tinggi adalah rumah teres iaitu 16 orang diikuti kondominium (N = 5), pangsapuri (N = 4) dan rumah kampung hanya seorang.

Jadual 2: Persepsi Ibu bapa Terhadap Ciri-Ciri Persahabatan Kanak-Kanak Autism Berdasarkan Bilangan Kawan

Item	Kenyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	Tahap
N1	Anak saya mempunyai seorang kawan sahaja	7 26.90%	6 23.10%	6 23.10%	4 15.40%	3 11.50%	2.62	Sederhana
	Anak saya mempunyai hanya seorang kawan rapat	2 7.70%	4 15.40%	14 53.80%	3 11.50%	3 11.50%		
N3	Anak saya mempunyai lebih daripada seorang kawan	7 26.90%	1 3.80%	1 3.80%	13 50%	4 15.40%	3.23	Sederhana
	Anak saya mempunyai lebih daripada seorang kawan rapat	9 34.60%	2 7.70%	11 42.30%	4 15.40%	0 0%		
Purata min							2.38	Sederhana

Jadual 2 menunjukkan persepsi ibu bapa terhadap ciri-ciri persahabatan kanak-kanak autisme berdasarkan bilangan kawan. Item N3 mempunyai nilai min yang paling tinggi iaitu sebanyak 13 orang ibu bapa (50%) setuju dan 4 orang ibu bapa (15.40%) sangat bersetuju dengan kenyataan "Anak saya mempunyai lebih daripada seorang kawan. Manakala nilai min yang paling rendah adalah 2.38 bagi item N4 "Anak saya mempunyai lebih daripada seorang kawan rapat" dengan jumlah 4 orang ibu bapa (15.4%) setuju. Semua item di dalam jadual 1 mempunyai tahap persepsi ibu bapa yang sederhana dari segi bilangan kawan kanak-kanak autisme.

Jadual 3: Persepsi Ibu Bapa Terhadap Ciri-Ciri Persahabatan Kanak-Kanak Autism Berdasarkan Kekerapan Hubungan

Item	N	Peratus (%)
<b>Pekerjaan Ibu Bapa</b>		
Sektor Awam	13	50%
Sektor Swasta	7	26.90%
Bekerja Sendiri	1	3.90%
Tidak bekerja	5	19.20%
<b>Jantina Anak Autisme</b>		
Lelaki	23	88.50%
Perempuan	3	11.50%
<b>Umur Anak autisme</b>		
7 Tahun	4	15.40%
8 Tahun	3	11.50%
9 Tahun	13	50%
10 Tahun	6	23.10%
<b>Jenis Perumahan</b>		
Rumah Kampung	1	3.90%
Rumah Teres	16	61.50%
Kondominium	5	19.20%
Pangsapuri	4	15.40%

Item	Kenyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	Tahap
N5	Anak saya bermain bersama rakan pada setiap hari	7 26.90%	5 19.20%	5 19.20%	8 30.80%	1 3.80%	2.62	Sederhana
N6	Anak saya bermain hujung minggu sahaja	11 42.30%	7 26.90%	4 15.40%	4 15.40%	0 0%	2.04	Sederhana
N7	Anak saya berbual-bual setiap kali berjumpa	4 15.40%	7 26.90%	10 38.50%	4 15.40%	1 3.80%	2.65	Sederhana
Purata min							2.04	Sederhana

Jadual 3 menunjukkan semua item untuk persepsi ibu bapa terhadap ciri-ciri persahabatan kanak-kanak autisme berdasarkan kekerapan hubungan adalah di tahap sederhana. Namun item N7 iaitu kenyataan “Anak saya berbual-bual setiap kali berjumpa” mempunyai nilai min 2.65 dengan 4 orang ibu bapa (15.40%) dan seorang ibu bapa (3.80%) sangat setuju. Diikuti dengan item N5 dengan nilai min 2.62, 8 orang ibu bapa (30.80%) setuju dan seorang ibu bapa (3.80%) sangat setuju. Nilai min paling rendah adalah bagi item N6 dengan 4 orang ibu bapa (3.80%) setuju dengan kenyataan “Anak saya bermain hujung minggu sahaja”.

Jadual 4: Persepsi Ibu Bapa Terhadap Ciri-Ciri Persahabatan Kanak-Kanak Autism Berdasarkan Corak Aktiviti Bersama Rakan

Jadual 4 menunjukkan persepsi ibu bapa terhadap ciri-ciri persahabatan kanak-kanak autisme berdasarkan corak aktiviti bersama rakan adalah sederhana. Item N11 mempunyai nilai min paling tinggi iaitu 2.96 dengan 7 orang ibu bapa (26.90%) setuju dan 3 orang ibu bapa (11.50%) sangat setuju dengan kenyataan “Anak saya suka menonton televisyen bersama rakan”. Item N8 “Anak saya suka bermain permainan video bersama rakan” pula mempunyai nilai

Item	Kenyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	Tahap
N8	Anak saya suka bermain permainan video bersama rakan	3 11.50%	9 34.60%	6 23.10%	3 11.50%	5 19.20%	2.92	Sederhana
N9	Anak saya suka berbual-bual dengan rakan sepermainannya	5 19.20%	8 30.80%	10 38.50%	2 7.70%	1 3.80%	2.46	Sederhana
N10	Anak saya suka belajar bersama - sama rakan di rumah	8 30.80%	11 42.30%	1 3.80%	5 19.20%	1 3.80%	2.23	Sederhana
N11	Anak saya suka menonton televisyen bersama rakan	4 15.40%	6 23.10%	6 23.10%	7 26.90%	3 11.50%	2.96	Sederhana
N12	Anak saya suka bermain komputer bersama rakan	4 15.40%	8 30.80%	8 30.80%	3 11.50%	3 11.50%	2.73	Sederhana
N13	Anak saya suka berjalan bersama - sama rakan di taman permainan	6 23.10%	6 23.10%	7 26.90%	5 19.20%	2 7.70%	2.65	Sederhana
N14	Anak saya akan berkongsi alat permainan dengan rakan ketika bermain	4 15.40%	8 30.80%	3 11.50%	10 38.50%	1 3.80%	2.85	Sederhana
N15	Anak saya kerap bermain bersama di rumah saya	11 42.30%	4 15.40%	5 19.20%	5 19.20%	1 3.80%	2.27	Sederhana
N16	Anak saya kerap bermain bersama - sama dengan anak jiran di rumah mereka	11 42.30%	8 30.80%	3 11.50%	3 11.50%	1 3.80%	2.04	Sederhana
N17	Anak saya suka bermain bersama di taman permainan	8 30.80%	4 15.40%	5 19.20%	7 26.90%	2 7.70%	2.65	Sederhana
Purata min							2.04	Sederhana

min 2.92 dengan 3 orang ibu bapa (11.50%) setuju dan 5 orang ibu bapa (19.20%) sangat setuju. Diikuti dengan nilai min 2.85 bagi item N14 “Anak saya akan berkongsi alat permainan dengan rakan ketika bermain” di mana 10 orang ibu bapa (38.50%) setuju dan seorang ibu bapa (3.80%) sangat setuju dengan item N14 manakala item N9 (m=2.46), N10 (m=2.23), N12 (m=2.73), N13 (m=2.65), N15 (m=2.27), N16 (m=2.04) dan N17 (m=2.65). Item N16 mempunyai min yang paling rendah dengan bilangan 3 orang ibu bapa (11.50%) setuju dan seorang ibu bapa (3.80%) sangat setuju.

Jadual 5: Persepsi Ibu Bapa Terhadap Ciri-Ciri Persahabatan Kanak-Kanak Autism Berdasarkan Ciri-Ciri Rakan Kanak-Kanak Autisme

Item	Kenyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	Tahap
N18	Lelaki	3 11.50%	2 7.70%	5 19.20%	9 34.60%	7 26.90%	3.58	Tinggi
N19	Perempuan	6 23.10%	4 15.40%	8 30.80%	3 11.50%	5 19.20%	2.88	Sederhana
N20	Lebih tua dari anak saya	7 26.90%	6 23.10%	6 23.10%	4 15.40%	3 11.50%	2.62	Sederhana
N21	Sebaya dengan anak saya	4 15.40%	4 15.40%	2 7.70%	10 38.50%	6 23.10%	2.96	Sederhana
N22	Lebih muda dari anak saya	6 23.10%	6 23.10%	6 23.10%	3 11.50%	5 19.20%	2.81	Sederhana
N23	Kanak-kanak biasa	3 11.50%	11 42.30%	5 19.20%	6 23.10%	1 3.80%	2.65	Sederhana
N24	Kanak-kanak autisme	4 15.40%	4 15.40%	8 30.80%	8 30.80%	2 7.70%	3.00	Sederhana
N25	Kanak-kanak masalah pembelajaran (sindrom down, lembam, hiperaktif dan disleksia)	2 7.70%	5 19.20%	12 46.20%	6 23.10%	1 3.80%	2.96	Sederhana
Purata min							2.62	Sederhana

Jadual 5 menunjukkan persepsi ibu bapa terhadap ciri-ciri persahabatan kanak-kanak autisme berdasarkan ciri-ciri rakan kanak-kanak autisme. Terdapat 3 ciri-ciri rakan iaitu jantina, umur dan kumpulan kanak-kanak. Tahap persepsi ibu bapa terhadap item N8 iaitu “jantina lelaki” adalah tinggi manakala item N19 “jantina perempuan” adalah sederhana. Nilai min item N18 ialah 3.58 dengan jumlah 9 orang ibu bapa (34.60%) setuju dan 7 orang ibu bapa (26.90%) sangat setuju bahawa rakan kanak-kanak autisme adalah lelaki manakala item N19 mempunyai hanya 2.88 nilai min dengan jumlah 3 orang ibu bapa (11.50%) setuju dan 5 orang ibu bapa (19.20%) sangat setuju. Item N20 (m=2.62), N21 (m=2.96) dan N22 (m=2.81) adalah tahap umur rakan kanak-kanak autisme. Tahap persepsi ibu bapa terhadap umur rakan kanak – kanak autisme adalah di tahap sederhana bagi semua item. Nilai min yang tertinggi adalah item N21 iaitu 10 orang ibu bapa (38.50%) setuju dan 6 orang ibu bapa (23.10%) sangat setuju dengan kenyataan “sebaya dengan anak saya”. Item N23 (m=2.65), N24 (m=3.00), dan N25 (m=2.96) adalah kumpulan rakan kanak-kanak autisme. Item N24 mempunyai nilai min paling tinggi dengan bilangan 8 orang ibu bapa (30.80%) setuju dan 2 orang ibu bapa (7.70%) sangat setuju dengan kenyataan “kanak-kanak autisme”.

## PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa kanak-kanak autisme mempunyai sekurang-kurangnya seorang rakan dan mempunyai lebih daripada seorang rakan (N3 : m = 3.23) . Ini disokong oleh Daniel & Billingsley (2010) yang menyatakan bahawa walaupun kanak-kanak autisme dilaporkan mempunyai bilangan rakan yang lebih

sedikit, 80% atau lebih kanak-kanak autisme mempunyai sekurang-kurangnya seorang rakan. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa kanak-kanak autisme akan berinteraksi dengan kawan setiap kali berjumpa (N7 : m = 2.65). Kanak-kanak autisme lebih cenderung melakukan aktiviti menonton televisyen bersama - sama rakan (N11: m = 2.96), bermain permainan video bersama-sama rakan (N8:

m = 2.92), berkongsi alat permainan dengan rakan ketika bermain (N14:m=2.85) dan diikuti dengan bermain komputer bersama-sama rakan (N12 : m = 2.73). Ini selari dengan pernyataan Bauminger & Kasari (2000) iaitu ibu bapa kepada kanak-kanak autisme melaporkan bahawa anak-anak mereka menghabiskan sebahagian besar masa mereka bermain dengan rakan melalui permainan video dan bermain komputer. Corak aktiviti yang sama juga diperolehi daripada kajian Kuo (2013) iaitu kanak-kanak autisme lebih cenderung melakukan aktiviti bermain permainan video bersama rakan, menonton televisyen, bermain dan berbual-bual. Corak aktiviti kanak-kanak autisme ini hanya melibatkan aktiviti di dalam rumah memandangkan mereka lebih ramai tinggal di rumah teres berbanding di kawasan kampung. Hasil kajian persepsi ibu bapa terhadap ciri-ciri persahabatan kanak-kanak autisme dari segi ciri-ciri rakan kanak-kanak autisme pula menunjukkan bahawa kanak-kanak autisme lebih cenderung untuk mempunyai rakan yang sama jantina (N18: m =3.58) dan usia yang sama (N21 : m = 2.96). Jantina lelaki lebih ramai menjadi rakan kepada kanak-kanak autisme kerana mereka memilih rakan yang sama jantina. Sampel juga menyatakan bahawa anak autisme mereka lebih ramai lelaki berbanding perempuan. Mereka juga mempunyai lebih ramai rakan yang juga kategori autisme (N24: m = 3.00) dan kanak-kanak masalah pembelajaran (N25 : m = 2.96) berbanding dengan kanak-kanak biasa. Ini disokong oleh Bauminger & Kasari (2000) yang menyatakan bahawa kanak-kanak autisme didapati lebih mempunyai rakan – rakan kurang upaya berbanding kanak-kanak normal.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Berdasarkan hasil analisis dapatan, pengkaji telah membuat kesimpulan dan cadangan seperti di bawah;

### Kesimpulan

Berdasarkan hasil dapatan kajian tentang persepsi ibu bapa terhadap ciri-ciri persahabatan kanak-kanak autisme, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa kanak-kanak autisme mempunyai sekurang – kurangnya seorang kawan dan mempunyai lebih daripada seorang kawan. Selain itu, kanak – kanak autisme juga lebih suka bermain permainan video bersama rakan, menonton televisyen bersama – sama rakan dan bermain bersama rakan di taman permainan. Dapatan juga mendapati bahawa kanak-kanak autisme ini membina hubungan persahabatan melalui aktiviti berkongsi alat permainan bersama rakan. Namun, kanak-kanak autisme ini lebih cenderung kepada rakan yang sama jantina, rakan yang mempunyai umur yang sama dan mempunyai lebih ramai rakan yang juga kategori autisme dan masalah pembelajaran berbanding kanak-kanak normal.

Berdasarkan hasil dapatan kajian tentang persepsi ibu bapa terhadap ciri-ciri persahabatan kanak-kanak autisme, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa kanak-kanak autisme mempunyai sekurang – kurangnya seorang kawan dan mempunyai lebih

daripada seorang kawan. Selain itu, kanak – kanak autisme juga lebih suka bermain permainan video bersama rakan, menonton televisyen bersama – sama rakan dan bermain bersama rakan di taman permainan. Dapatan juga mendapati bahawa kanak-kanak autisme ini membina hubungan persahabatan melalui aktiviti berkongsi alat permainan bersama rakan. Namun, kanak-kanak autisme ini lebih cenderung kepada rakan yang sama jantina, rakan yang mempunyai umur yang sama dan mempunyai lebih ramai rakan yang juga kategori autisme dan masalah pembelajaran berbanding kanak-kanak normal.

### Cadangan

Dengan hasil dapatan dan kesimpulan yang dibuat, pengkaji memberikan beberapa cadangan iaitu; (1) Hasil kajian ini dapat digunakan sebagai panduan untuk kajian yang lebih terperinci dalam membina hubungan kanak-kanak autisme dengan rakan sebaya dan meningkatkan kualiti persahabatan mereka; (2) Strategi yang sesuai perlu dikaji untuk membantu kanak-kanak autisme ini membina hubungan persahabatan dengan lebih baik; (3) Semua pihak terutamanya ibu bapa perlu memainkan peranan dalam membantu kanak-kanak autisme membina hubungan persahabatan mereka.

## RUJUKAN

- American Psychiatric Association. 2013. Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders. Ed.Ke-4.USA:APA
- Bauminger, N., & Kasari, C. 2000. Loneliness and friendship in high-functioning children with autism. *Child Development*. 71, 447–456.
- Bauminger, N., Shulman, C. 2003. The Development and Maintenance of Friendship in High-Functioning Children With Autism:Maternal Perceptions.*Sage Journal Publication*
- Calder L.,Hill V. & Pellicano E. .2012. Sometimes I Want Play by My Self:Understanding What Friendship means to Children With Autism in Meanstream primary School.*Sage journal publication*
- Judith Wiener, Barry H.Schneider. 2002. A Multisource Exploration Of The Friendship Pattern Of Children With And Without Learning Disabilities.*Journal Of Abnormal Child Pshychology*.Vol 30.No.2
- Kathleen, K.White, W.S & Scahill,L. 2006. Social Skills Development in Children with Autism Spectrum Disorders: A Review of the Intervention Research
- Michael Waldman, Sean Nicholson & Nodir Adilov. 2006. Does Television Cause Autism.*The National Bureau of Economic research*.
- Petrina N, Carter M., Stephenson J. 2013. The nature of friendship in children with autism spectrum disorders: A systematic review. *Research in autism spectrum disorders*.8(111-126)

Norfishah Mat Rani. 2015. *Rahsia Dan Keunikan Personaliti Kanak-kanak Autistik Di Malaysia*. Universiti Sains Malaysia.

SeonYeong, Mechaelene & Susan .2011. *Children's Friendship Development: A Comparative Study*. *University of Illinois*. Vol.13(1)

Steyaert, J.G., & De La Marche, W. 2008. *What's new in Autism?*. *European journal of pediatrics*, 167(10), 1091-1101.